

SIARAN AKHBAR

KONTRAKTOR CUI SEBABKAN ANGGOTA POLIS MAUT, DIDENDA RM50,000

Perlis, 25 Mei: AMI Construction Sdn. Bhd iaitu kontraktor yang menguruskan projek pembinaan terowong termasuk membina lencongan banjir barat dari Timah Tasoh ke Kuala Perlis itu diarah membayar denda sebanyak RM50,000 oleh Mahkamah Tinggi Kangar di sini.

Mahkamah mendapati, kontraktor tersebut terbukti cuai kerana tidak memastikan keselamatan di tapak bina hingga menyebabkan seorang anggota polis maut pada 25 Ogos 2016. Mangsa, Mohd Farijannaim Abdullah ketika itu menunggang motosikal bersama seorang anak lelakinya terjatuh di kawasan pembinaan ketika menunggang melaluinya. Walau bagaimanapun, anak mangsa yang berusia dua tahun terselamat.

Hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Kangar, Yang Arif Abu Bakar Katar pada 15 Mac 2018 itu, dibuat mengikut Seksyen 34D, Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) 1994 (Akta 520) iaitu gagal memastikan keselamatan di tapak bina semasa menjalankan kerja pembinaan sehingga menyebabkan kematian.

Dalam insiden yang berlaku pada 25 Ogos 2016 itu, CIDB mendapati, syarikat berkenaan bukan sahaja gagal memastikan keselamatan di tapak bina dengan tidak melantik "safety officer" atau pegawai keselamatan malah, tidak mempraktikkan pelan pengurusan trafik yang telah diluluskan selain tidak menyediakan alat-alat keselamatan yang mencukupi seperti *blinkers* serta kon pantul cahaya. Kecuaian itu, menyebabkan kawasan pembinaan gelap dan merbahaya kepada pengguna jalan raya.

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia Dato' Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid menegaskan, semua kontraktor perlu memainkan peranan lebih serius untuk memastikan perkara seumpama ini tidak berulang. Kecuaian seumpama ini tidak boleh diterima kerana ia membahayakan nyawa orang awam.

Beliau menggesa, setiap individu yang terlibat dalam pelaksanaan sesuatu projek pembinaan sama ada pemaju, perunding, kontraktor dan personel pembinaan melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan mengikut spesifikasi dan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

"Perlu diingatkan bahawa semua pihak yang terlibat di dalam rantai pembinaan ini mempunyai tanggungjawab besar. Sekiranya berlaku kecuaiannya maka pihak yang terlibat boleh diambil tindakan mengikut peruntukan Akta 520," katanya.

Mengikut Seksyen 34D, mana-mana kontraktor yang melanggar kewajipannya di bawah perenggan 34B(1)(c), dan yang pelanggaran kewajipan itu menyebabkan kematian, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
